

09/02/1998

Majikan henti pekerja tanpa alasan dibidas

Lichong Angkui

TINDAKAN sesetengah syarikat memberhentikan pekerja tanpa alasan dan notis secukupnya mendapat perhatian serius kerajaan. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu membidas majikan yang membuang pekerja sewenang-wenangnya, sekali gus memberi amaran tindakan tegas akan dikenakan terhadap mereka yang mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi untuk berbuat demikian.

Amaran kerajaan itu perlu dilihat dan dijadikan iktibar oleh syarikat atau majikan sebelum mengambil sesuatu tindakan. Ini kerana perbuatan sedemikian bukan saja `menutup periuk nasi' pekerja yang diberhentikan, tetapi juga boleh menyebabkan krisis keyakinan sekiranya ia dimanipulasi oleh kesatuan buruh antarabangsa.

Begitu pun, jumlah kes pembuangan pekerja oleh syarikat di negara ini tidak banyak berbanding negara serantau yang turut dilanda krisis ekonomi.

Malah bagi Malaysia, jumlah pekerja asing yang bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan - perladangan/pertanian, pembinaan dan pembuatan - begitu tinggi yang menunjukkan bahawa ekonomi kita tetap utuh. Selain satu kes pemberhentian pekerja beramai-ramai di Labuan, laporan terbaru menyebut sebuah resort di Tuaran, Sabah, turut memberhentikan pekerja mereka tanpa notis.

Dalam hal ini, kerajaan menerusi agensi berkaitan perlu bertindak segera untuk memperbetulkan keadaan.

Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Buruh perlu tampil bagi menentukan nasib pekerja yang diberhentikan terus terbela dan tidak menjadi mangsa.

Ini penting kerana dikhuatiri syarikat mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi untuk membuang pekerja sewenang-wenangnya. Maknanya, tindakan tegas perlu dikenakan terhadap majikan yang berbuat demikian.

Sebenarnya kalau dilihat dan dianalisis secara terperinci, asas ekonomi negara masih kukuh. Malah indeks pasaran saham negara kelmarin mencatat peningkatan memberangsangkan, manakala nilai ringgit semakin kukuh. Ini menunjukkan ekonomi negara mencatat pertumbuhan meyakinkan.

Dengan perkembangan ini, bermakna pembuangan pekerja adalah suatu langkah drastik yang tidak sepatutnya dilakukan oleh majikan.

Masalah ekonomi yang dihadapi negara sebenarnya belum mencapai tahap kritikal atau krisis, sebaliknya perlu dilihat sebagai ujian yang mengajar kita lebih berhemat.

Isu pemberhentian tidak sepatutnya berbangkit pada waktu ini. Walau apapun alasan yang diberi, pemberhentian pekerja bukan penyelesaian terhadap masalah dihadapi sesebuah syarikat. Sebaliknya, syarikat perlu memanfaatkan dan mengoptimumkan sumber tenaga kerja yang ada untuk meningkatkan produktiviti syarikat.

Seperti yang sering ditegaskan oleh pemimpin kerajaan, pemberhentian pekerja seharusnya dijadikan sebagai pilihan terakhir.

(END)